

# UCAM MAJU

“

Jika dulu, semua pakaian habis melekat bau sampah, lalat pula begitu banyak... kalau masuk rumah, lalat berlumba-lumba juga masuk bersama”

Zakaria Badu



## Timba ilmu baru kitar semula

PENUNTUT mengadakan lawatan akademik ke Tapak Pelupusan Sanitari di Jeram, Kuala Selangor.



**Shah Alam:** “Ini ilmu baru bagi saya iaitu air dan gas sampah boleh dikitar semula,” kata Muhd Umair Faqihuddin Mohd Zulfahar, 24 penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM), dekat sini. Menurutnya, dia bersama rakan dalam jurusan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Seni Bina Perancangan dan Ukur UiTM mengadakan lawatan akademik ke Tapak Pelupusan Sanitari Jeram bagi kajian projek yang dijalankan mereka. “Saya hanya tahu mengenai tapak pelupusan adalah sampah yang dibawa oleh lori sampah diimbuis dengan beberapa lapisan dan ditutup dengan tanah serta dibiarkan begitu saja sehingga terurai. “Namun apabila saya sampai ke tapak pelupusan ini saya terkejut apabila diberitahu di tapak ini mempunyai sistem teknologi yang boleh merawat

air sampah dan mengempam gas sampah bagi menjana elektrik kepada penduduk berhampiran,” katanya. Menurutnya, sebelum ini mereka menyangka tapak berkenaan berbau busuk namun ia meleset sama sekali. “Kamiterkejut apabila melawat ke tapak pelupusan di Jeram kerana bau sampah tidak sekuat yang disangka dan mereka menerangkan kepada kami bau yang kurang itu kerana ia menggunakan sistem yang mengurangkan bau sampah berkenaan. “Kami diberi penerangan dan dibawa melawat ke tempat pemprosesan air sampah yang dirawat dan tempat gas disedut,” katanya. Menurutnya, air sampah yang berwarna hitam pekat itu bertukar warna sejinam air putih selepas diproses dan air berkenaan disalurkan ke sungai.

“Kami seakan tidak percaya air hitam sepekat air kopi itu boleh menjadi jernih dan digunakan semula serta dilepaskan ke dalam sungai berdekatan. “Hidupan sungai itu hidup selamat dengan air sampah yang sudah diproses sehingga jernih,” katanya. Penuntut tahun dua itu berkata, peranan dan tanggungjawab masyarakat hari ini amat penting bagi membuat pengasingan sampah bermula dari rumah. “Ini kerana, Worldwide Holdings sendiri ada memberitahu masalah penanaman sampah ini menjadi semakin meningkat saban hari. “Sikap masyarakat Malaysia yang tidak mempunyai kesedaran mengasingkan sisa pepejal dan membuat kitar semula menjadikan tapak pelupusan sampah ini semakin meluas,” katanya.